


**IKLAN PENAWARAN PENGURUSAN KIOSK NIAGA BERKONSEP
DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

		IKLAN KEKOSONGAN PREMIS MILIK UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)	
DIMAKLUMKAN BAHAWA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) MEMPELAWA ANDA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN BAGI PENGURUSAN KIOSK NIAGA BERKONSEP SEPERTI BERIKUT:-			
BIL	LOKASI	JENIS PERNIAGAAN	SEWA SEBULAN
1	UTHM Kampus Induk Parit Raja	Pengurusan Kiosk Niaga Berkonsep	RM400.00 (tidak termasuk caj utiliti)

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)

SYARAT AM:

1. Warganegara Malaysia berumur 21 tahun dan ke atas.
2. Memiliki pengalaman 3-5 tahun ke atas dalam bidang perniagaan dipilih serta mempunyai jenama sendiri akan diberi keutamaan.
3. Permohonan hendaklah melalui naskhah sebut harga yang boleh diperolehi di Pejabat Kelestarian Kewangan (PKKew) UTHM.
4. Pemohon hendaklah melengkapkan borang dan jadual seperti dalam naskhah sebut harga serta melampirkan dokumen yang dinyatakan.
5. Pemohon digalakkan untuk melampirkan kertas cadangan (sekiranya ada) sebagai lampiran sokongan.
6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pejabat di talian 07 - 950 7953

MAKLUMAT PENTING:

Harga Naskhah Sewaan : RM 10.00
Nama Akaun : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Bayaran melalui portal: <https://epayment.uthm.edu.my/>
Kategori Bayaran : Sebut harga / Tender

TARIKH MULA JUAL : 15 JUN 2026 (ISNIN)

**TARIKH TUTUP / HANTAR :
14 JULAI 2026 (SELASA) SEBELUM 12.00 TENGAH
HARI**

TABLE COPY



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ASAL

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR**

NASKAH SEWAAN PREMIS / RUANG PERNIAGAAN

**PENGURUSAN KIOSK NIAGA BERKONSEP
DI KAMPUS INDUK CAWANGAN PARIT RAJA**

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
86400 PARIT RAJA
BATU PAHAT, JOHOR.**

**NO. RUJUKAN :
UTHM.PKKew/03/2026**

**TARIKH JUAL : 15 JUN 2026 (ISNIN)
TARIKH TUTUP / HANTAR : 14 JULAI 2026 (SELASA)
12.00 TENGAH HARI**

HARGA : RM10.00

**Pejabat Kelestarian Kewangan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja
Batu Pahat, Johor.**

SURAT AKUAN PEMBIDA

UTHM.PKKew/02/2026

**PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA BAGI SEWAAN DAN PENGURUSAN KIOSK NIAGA
BERKONSEP DI KAMPUS INDUK CAWANGAN PARIT RAJA**

Saya, nombor K.P yang mewakili
(.....) nombor pendaftaran (.....)
MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang
mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana **Pejabat Kelestarian Kewangan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia** atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Pejabat Kelestarian Kewangan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Universiti yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang



berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,
Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

TABLE COPY

Catatan:

- (i) ** termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) *** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN SEWAAN PREMIS / RUANG PERNIAGAAN DI UNIVERSITI
TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

Nota: Dokumen seperti di bawah perlu dikemukakan bersama naskhah sebut harga sebanyak satu (1) salinan.

Bil.	Perkara	Catatan	Ditanda Oleh Pemohon (✓)
1.	Resit Rasmi Pembelian Naskhah Sebut Harga	Wajib	
2.	Borang Permohonan Sewaan Premis / Ruang Perniagaan	Wajib	
Dokumen Sokongan			
3.	Salinan Kad Pengenalan Pemohon (depan & belakang)	Wajib	
4.	Salinan Kad Pengenalan Penjamin (depan & belakang)	Wajib	
5.	Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan/Syarikat/Pertubuhan (SSM/ROS)	Wajib	
6.	Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	Wajib	
7.	Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (MOF)	Jika Ada	
8.	Sijil Pengkhususan / Sijil Penghargaan: i. Sijil Penghargaan / Pengesahan Perkhidmatan Daripada Agensi Berkaitan ii. Lain-lain yang berkaitan	Wajib/Jika Ada	
9.	Penyata Akaun Bank Tiga (3) Bulan Yang Terkini (Individu / Syarikat)	Wajib	
Jadual			
10.	JADUAL 1(A) Senarai Jenis Gerai Jualan (Bagi Kafeteria Berkonsep Konsortium Sahaja)	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
11.	JADUAL 1(B) Jadual Harga	Wajib	
12.	JADUAL 2 Senarai Peralatan dan Kelengkapan Yang Akan Disediakan	Wajib	
13.	JADUAL 3 Cadangan Kemudahan/Fasiliti Tambahan	Wajib	
14.	JADUAL 4 Borang Pembahagian Kerja dan Kakitangan	Wajib	
15.	JADUAL 5(A) Senarai Perkhidmatan Yang Berkaitan dan Telah Dijalankan	Wajib	
16.	JADUAL 5(B) Senarai Perkhidmatan Yang Berkaitan dan Sedang Dijalankan	Wajib	

Cop Syarikat:

SPESIFIKASI

TABLE COPY

BIL	SPESIFIKASI
1.	<p>1.1 PERKARA Sewaan dan Pengurusan Kiosk Niaga Berkonsep di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Induk Parit Raja bagi tempoh Tiga (3) Tahun.</p> <p>1.2 ARAHAN Pengusaha hendaklah mematuhi spesifikasi terperinci yang disediakan di bawah tanpa sebarang pengurangan atau perubahan.</p>

BIL	SPESIFIKASI
2.	<p>2.1 PERIHAL Sewaan dan Pengurusan Kiosk Niaga Berkonsep di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Induk Parit Raja bagi tempoh Tiga (3) Tahun.</p>

BIL	SPESIFIKASI
3.	<p>3.1 KEPATUHAN KEPADA SPESIFIKASI</p> <p>i. Syarikat / Pembida yang ingin menyertai sebut harga ini adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Pengurusan Kiosk Niaga Berkonsep yang ditawarkan memenuhi semua spesifikasi teknikal, piawai keselamatan dan keperluan operasi sebagaimana yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.</p> <p>3.2 KADAR SEWAAN, CAJ UTILITI DAN DEPOSIT KONTRAK</p> <p>i. Kadar sewaan bagi satu (1) unit kiosk niaga adalah RM400.00 / bulan tidak termasuk caj utiliti.</p> <p>ii. Pihak Syarikat yang berjaya dilantik dikehendaki membayar kadar sewaan bulanan seperti yang tertera di dalam Surat Setuju Terima (SST) dengan kaedah pembayaran secara arahan tetap (<i>Standing Instruction</i>) atau bayaran secara atas talian pada setiap 7 haribulan setiap bulan.</p> <p>iii. Pihak Syarikat bertanggungjawab membayar bil utiliti bagi kegunaan kiosk. Bayaran ini akan dituntut oleh pihak Universiti dan bayaran hendaklah dibuat tidak lewat daripada satu (1) minggu dari tarikh tuntutan dikemukakan.</p> <p>iv. Pihak Syarikat juga dikehendaki membuat pembayaran deposit cagaran tiga (3) bulan sewaan serta cagaran utiliti.</p> <p>v. Deposit kontrak ini hanya akan dikembalikan selepas kontrak tamat dan pihak Syarikat telah menyelesaikan semua tunggakan dengan pihak Universiti.</p> <p>vi. Kegagalan pihak Syarikat untuk membayar sewaan melebihi tiga (3) bulan akan mengakibatkan tindakan undang-undang diambil oleh pihak Universiti.</p> <p>vii. Tempoh Kontrak Sewaan dan Pengurusan Kiosk Niaga Berkonsep adalah tiga (3) tahun.</p>

3.3 LOKASI DAN SPESIFIKASI KIOSK

- i. Lokasi kiosk niaga adalah di Blok B1, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kampus Induk Parit Raja.
- ii. Spesifikasi kiosk niaga adalah seperti di Lampiran 1

3.4 KAEDAH PEMBAYARAN

- i. Pihak syarikat hendaklah menyediakan kaedah pembayaran secara tunai dan tanpa tunai (*cashless*) sama ada menggunakan kaedah QR code atau peranti pembayaran pada setiap masa di semua premis perniagaan

3.5 JUALAN DAN SENARAI BAHAN YANG DIJUAL

- i. Pihak Syarikat dikehendaki menyenaraikan dengan terperinci harga jualan bagi setiap produk yang dijual dalam Jadual 1.
- ii. Pihak Syarikat dilarang menjual bahan-bahan yang **Tidak Halal, bahan-bahan yang telah tamat tarikh luput dan yang dilarang penjualannya** oleh Kerajaan dan juga bahan-bahan yang tidak disenaraikan dalam perjanjian tanpa mendapat kelulusan pihak Universiti terlebih dahulu.
- iii. Harga barangan jualan dan tanda harga hendaklah dipamerkan dengan jelas di tempat yang strategik dan mudah di lihat oleh pelanggan. Sebarang kenaikan harga makanan dan minuman tidak dibenarkan dan sebarang perubahan perlu mendapatkan kelulusan pihak Universiti.

3.6 KELENGKAPAN

- i. Syarikat adalah bertanggungjawab ke atas semua perabot, kelengkapan dan perkakasan yang diserahkan dan hendaklah menjaga harta benda Universiti dengan baik termasuk penyenggaraan secara berkala.
- ii. Syarikat dikehendaki mengganti, memperbaiki dan memperbaharui (*making good*) sebarang harta Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang hilang, pecah atau rosak yang disebabkan oleh pihak Syarikat atau pekerjanya. Syarikat yang akan melakukan pembaikan hendaklah syarikat yang dikenalpasti dan dipersetujui oleh pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- iii. Syarikat tidak dibenarkan membawa keluar peralatan dan harta milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- iv. Sebarang pengubahsuaian ruang dan pendawaian elektrik yang akan dilakukan di premis perniagaan hendaklah dimohon oleh Syarikat terlebih dahulu kepada pihak Universiti. Pihak Universiti akan membuat penilaian cadangan dan pembentangan oleh pihak Syarikat akan diadakan sekiranya perlu. Kelulusan akan diberikan bergantung kepada keputusan ahli jawatankuasa atau pihak berkepentingan yang terlibat.
- v. Sebarang kerosakan yang berlaku dalam premis ruang niaga yang melibatkan kemudahan yang disediakan oleh pihak Universiti hendaklah dilaporkan dengan segera secara bertulis.
- vi. Sekiranya kerosakan adalah berpunca dari kecuaihan pihak Syarikat, kos pembaikan akan ditanggung oleh pihak Syarikat.

BIL	SPESIFIKASI
4.	<p>4.1 SKOP PERKHIDMATAN</p> <p>i. Pihak Syarikat perlu menyediakan perkhidmatan makanan/minuman untuk warga Universiti mengikut:</p> <p>a) Akta Makanan 1983 b) Peraturan Pengendali Makanan UTHM c) Garis Panduan Amalan Pengilangan yang baik (GMP)</p> <p>ii. Pihak Syarikat adalah dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku keracunan makanan yang disahkan oleh pihak berkuasa berpunca daripada minuman/makanan daripada premis.</p>

BIL	SPESIFIKASI
5.	<p>5.1 KONSEP PERNIAGAAN</p> <p>5.1.1 Syarikat / Pembida hendaklah menyatakan dengan jelas konsep dan jenis perniagaan yang akan dijalankan.--</p> <p>5.1.2 Konsep perniagaan yang boleh ditawarkan oleh pihak Syarikat / Pembida adalah seperti berikut :</p> <p>i. Konsep hidangan "Grab-and-Go" bagi makanan dan minuman seperti produk retort, kuih muih, nasi lemak bungkus, sushi, buah-buahan kering, atau kekacang dan minuman panas/sejuk</p> <p>ii. Konsep roti, biskut dan pastri.</p> <p>iii. Konsep snek sihat dan buah-buahan seperti jus buah-buahan, sandwich, bubur, set salad.</p> <p>iv. Konsep aksesori gadjet dan alat tulis</p> <p>v. Konsep makanan negara asia seperti makanan tradisional Indonesia/Korea/Jepun dan lain-lain</p> <p>vi. Konsep <i>western</i></p> <p>vii. Konsep aiskrim/yogurt/smoothies dan waffle</p> <p>viii. Lain-lain konsep jualan selain makanan dan minuman yang bersesuaian untuk warga Universiti</p> <p>5.1.3 Syarikat /Pembida perlu menyediakan layout konsep kiosk yang akan dilaksanakan.</p> <p>5.1.4 Syarikat /Pembida perlu menyenaraikan produk jualan atau perkhidmatan yang ditawarkan beserta harga jualan.</p> <p>5.1.5 Syarikat /Pembida perlu menyediakan sekurang-kurangnya satu (01) Menu Kasih Siswa (MKS) yang berharga di antara RM3.00 – RM5.00.</p> <p>5.1.6 Syarikat /Pembida perlu menyenaraikan aktiviti memasak yang akan dibuat. Hanya penyediaan masakan ringan sahaja yang dibenarkan.</p>

BIL	SPESIFIKASI
6	<p>6.1 WAKTU OPERASI :</p> <p>6.1.1 Waktu operasi ialah pada setiap hari bekerja bermula dari 7.30 pagi sehingga 6.30 petang.</p> <p>6.1.2 Walau bagaimanapun waktu operasi ini boleh dipinda mengikut persetujuan bersama antara pihak Universiti dan Syarikat.</p>

BIL	SPESIFIKASI
7.	<p>7.1 KEBERSIHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Semua urusan pembersihan premis adalah di bawah tanggungjawab pihak Syarikat. Pihak syarikat dikehendaki menyediakan atas kos sendiri sekurang-kurangnya satu (1) orang pekerja bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan. ii. Keseluruhan premis hendaklah sentiasa berkeadaan bersih, teratur dan bebas daripada semua jenis serangga dan haiwan. iii. Kawasan premis pada setiap masa mestilah diselenggara, bebas daripada longgokkan sampah dan sisa makanan. iv. Syarikat hendaklah menyediakan tong sampah yang bertutup pada setiap masa. Sampah pepejal basah, sisa makanan atau apa-apa lain hendaklah dibungkus dan dibuang oleh pihak Syarikat dari Kawasan Universiti pada setiap hari dan mengikut cara sepertimana yang diarahkan oleh Universiti. v. Pemeriksaan ke atas kebersihan kawasan, ruang dan peralatan akan disemak oleh pihak Universiti.

BIL	SPESIFIKASI
8.	<p>8.1 PEKERJA</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pihak Syarikat dikehendaki mengambil pekerja sendiri yang secukupnya untuk menguruskan kiosk niaga. ii. Pihak syarikat dikehendaki melengkapkan maklumat senarai pekerja seperti di Lampiran 2. iii. Pihak Syarikat bertanggungjawab menentukan pada setiap masa, para pekerja di premis tersebut tidak memasuki kawasan dan tempat-tempat dikenalpasti kawasan larangan selain dari tempat kerja. iv. Pihak Syarikat bertanggungjawab menentukan pada setiap masa, para pekerja sentiasa berambut pendek (lelaki), rupa diri yang bersih, bersopan-santun dan tidak merokok semasa menjalankan tugas atau di dalam kawasan Universiti. v. Pekerja yang dilantik oleh syarikat mestilah sihat dan bebas daripada sebarang penyakit/kecederaan ketika menguruskan perkhidmatan. vi. Pihak Syarikat bertanggungjawab menyediakan seorang penyelia pada setiap masa bagi mengawasi dan mengurus perjalanan perniagaan. vii. Semua peringkat pekerja Syarikat dikehendaki menghadiri kursus yang dianjurkan oleh UTHM sekiranya berkaitan. viii. Pekerja yang mengendalikan makananan dan minuman hendaklah mendapatkan suntikan Suntikan Typhoid yang belum tamat tempoh. ix. Pekerja bukan warganegara hendaklah mematuhi mana-mana peraturan yang berkuatkuasa.

BIL	SPESIFIKASI
9.	<p>9.1 KEPERLUAN AM</p> <p>9.1.1 KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA Pembida / Syarikat yang ingin menyertai sebutharga ini mestilah berdaftar</p>

dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) (Jika ada).

9.1.2 **PENILAIAN KEWANGAN**

Pembida / Syarikat yang ingin menyertai sebutharga ini mestilah melampirkan penyata bank 3 bulan terkini.

10. 10. LAIN-LAIN

- 10.1.1 Pihak Berkuasa Universiti berhak melantik sebuah **Jawatankuasa** bagi tujuan pengawasan, menyelia dan menentukan bahawa syarat tawaran penyewaan dan perlaksanaannya adalah mengikut syarat perjanjian yang telah ditandatangani. Jawatankuasa juga berkuasa menjalankan tanggungjawab mengikut bidang kuasa yang diberikan oleh UTHM dan berkuasa menggantung perkhidmatan Syarikat sekiranya perlu.
- 10.1.2 Pihak Syarikat dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak Universiti untuk menutup sementara perkhidmatan kiosk niaga dengan mengemukakan alasan-alasan yang munasabah.
- 10.1.3 Syarikat digalakkan memberi pandangan/cadangan kepada UTHM untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.
- 10.1.4 Pihak Syarikat bertanggungjawab mendapatkan lesen perniagaan yang berkenaan daripada Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan atau Pihak Berkuasa lain bagi aktiviti jualan barangan atau perkhidmatan perniagaan yang berkaitan dan dikehendaki mempamerkan di premis pada setiap masa.
- 10.1.5 Setiap premis perniagaan dalam Universiti dikehendaki menyediakan papan tanda nama (*signage*) mengikut ukuran *standard* yang telah ditetapkan. Syarikat perlu menyerahkan cadangan reka bentuk papan tanda kepada PKKew bagi tujuan kelulusan.
- 10.1.6 Syarikat bertanggungjawab menawarkan produk pada harga yang berpatutan dan sekiranya semakan mendapati kadar harga yang dikenakan adalah tidak munasabah, pihak Universiti berhak mengambil tindakan sewajarnya.
- 10.1.7 Pihak Syarikat adalah dilarang untuk membuat sewaan kecil (*sublet*) kepada peniaga yang lain tanpa kelulusan bertulis dari pihak Universiti.
- 10.1.8 Pihak Syarikat perlu mengemukakan data laporan jualan pada setiap bulan kepada Pihak Universiti melalui kaedah yang ditetapkan.
- 10.1.9 Tempoh sah laku sebut harga Sewaan dan Pengurusan Kiosk Niaga Berkonsep di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) adalah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.
- 10.1.10 Pelanggaran ke atas mana-mana syarat perjanjian tawaran ini boleh menyebabkan tindakan diambil untuk menamatkan perjanjian kontrak.
- 10.1.11 Pihak Syarikat perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Universiti dari masa ke semasa.
- 10.1.12 Keputusan tawaran ini adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.

**SPESIFIKASI DAN SAIZ KIOSK NIAGA,
BLOK B1, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**



Anggaran saiz kiosk :

**16.5 kaki x 6.5 kaki
= 107.25 kaki persegi**

TABLE COPY